

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG
KAWASAN : KAMPAR
TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN NO. 29

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan rancangan, inisiatif, langkah-langkah dan banci yang telah dijalankan untuk mengenal pasti keperluan untuk menaik taraf Jalan Utama Persekutuan daripada Gopeng ke Kampar dan Kampar ke Tapah kepada laluan dua lorong sehalu “dual carriageway” demi keselamatan dan kemudahan penduduk-penduduk tempatan. Jikalau tiada, kenapa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengenalpasti tahap penyelesaian sesebuah jalan, program Banci Lalulintas Kebangsaan (BLK) dijalankan setiap tahun oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) di seluruh negara sejak tahun 1967. Di Daerah Kampar, terdapat tiga (3) stesen banci BLK yang terletak di Jalan Utama Persekutuan (FT01) dari Gopeng ke Kampar dan dari Kampar ke Tapah. Maklumat penyelesaian ini, yang diukur sebagai *Level of Service* (LOS), akan digunakan sebagai salah satu kriteria untuk menentukan samada sesebuah jalan itu perlu dinaiktaraf. Hasil dari bancian tersebut, KKR menerbitkan laporan *Road Traffic Volume Malaysia* (RTVM) pada setiap tahun.

Merujuk kepada *Road Traffic Volume Malaysia* bagi tahun 2019 menunjukkan laluan Gopeng ke Kampar berada di tahap LOS A, manakala laluan Kampar ke Tapah pula berada pada LOS C. Lanjutan itu, data banci trafik terkini di laluan tersebut menunjukkan LOS yang baik dan masih belum mencapai tahap kapasiti jalan iaitu LOS F.

Sehubungan itu, berdasarkan data banci tersebut, KKR beranggapan bahawa cadangan untuk menaiktaraf Jalan Utama Persekutuan dari Gopeng ke Kampar dan dari Kampar ke Tapah kepada laluan empat lorong dua hala masih belum diperlukan.

Walau bagaimanapun, KKR akan sentiasa memantau tahap perkhidmatan jalan persekutuan di bawah seliaan Kementerian ini. Sebarang cadangan naiktaraf jalan yang tersenarai dalam keutamaan Negeri akan diangkat ke dalam permohonan projek baharu *Rolling Plan* akan datang.

Sekian, terima kasih.